



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**JENDELA@PPR TINGKATKAN AKSES JARINGAN INTERNET BAGI  
PENDUDUK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**



Pada 6 Disember 2021, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program JENDELA@PPR di Program Perumahan Rakyat (PPR) Senawang dan seterusnya menyerahkan sumbangan tablet kepada 20 orang pelajar sekolah sempena tinjauan mesra Keluarga Malaysia di perumahan tersebut. Turut hadir di majlis ini ialah Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT dan Tuan Haji Ismail bin Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

JENDELA@PPR merupakan usaha yang mendukung program Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menyediakan kemudahan komunikasi digital kepada rakyat melalui akses internet secara menyeluruh. Inisiatif JENDELA@PPR oleh KPKT memfokuskan perluasan akses dan *connectivity* internet dalam kalangan penduduk PPR. Buat permulaan, pelaksanaan JENDELA@PPR ini akan melibatkan pemasangan *wireless hotspots* di kawasan gunasama (*common area*) di 36 PPR yang telah dikenal pasti akan memanfaatkan lebih 150,000 penghuni.



YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menjelaskan bahawa inisiatif ini mampu memberi manfaat kepada penduduk PPR terutamanya kumpulan B40. Pandemik yang berlaku ini telah membuktikan bahawa jaringan internet adalah

amat penting terutamanya untuk anak-anak belajar dan masyarakat umumnya bekerja dan mencari rezeki. Beliau turut menyatakan bahawa KPKT sedang berusaha supaya kesemua 154 PPR yang telah siap dapat disediakan dengan kemudahan infrastruktur *fiber optic* sambungan terus ke rumah. Pada masa ini, sebanyak 80 PPR telah dilengkapi infrastruktur *fiber optic*, manakala 53 PPR lagi sedang dinaik taraf kepada *fiber optic*. Manakala, baki 21 PPR lagi dalam perancangan untuk dinaik taraf.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Haji Mohd Nazri Md. Shariff berkata, “PR1MA Communications Sdn Bhd (PR1MA Comm) yang merupakan anak syarikat PR1MA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini. PR1MA Comm yang pada dasarnya diwujudkan untuk menjadi Pembekal Perkhidmatan Jalur Lebar kepada semua projek pembangunan PR1MA, memainkan peranan yang signifikan dalam menggerakkan inisiatif JENDELA@PPR ini. Kami berharap dengan adanya “wifi hotspot” di kawasan gunasama di PPR nanti, penduduk akan dapat menerima manfaat sewajarnya sekaligus meringankan beban mereka untuk mendapat sambungan internet untuk kegunaan seharian,” katanya.

KPKT komited memastikan penyediaan jaringan internet yang baik bagi meningkatkan kesalinghubungan dan juga komunikasi digital dalam kalangan penduduk PPR. Ini akan membantu memberi nilai tambah dalam konteks “*Liveable Malaysia*” atau Malaysia Berdaya Huni khusus buat Keluarga Malaysia.

